

23 MAR 1996

Hotel

BANYAK HOTEL DAN CHALET TIDAK PENUHUI SYARAT UNTUK DAPATKAN CF

LANGKAWI, 23 Mac (Bernama) -- Majlis Daerah Langkawi (MDL) tidak dapat mengeluarkan Sijil Layak Menduduki (CF) kepada 37 hotel dan chalet di pulau peranginan bebas cukai ini kerana masalah teknikal.

Permohonan mendapatkan CF oleh pemilik premis terbabit tidak dapat diluluskan kerana premis berkenaan masih belum mendapat pengesahan teknikal Jabatan Bomba, Jabatan Kerja Raya dan Tanaga Nasional Berhad.

Pemilik premis terbabit diberi tempoh sehingga hujung Jun ini untuk memastikan bangunan mereka memenuhi semua syarat keselamatan bagi mendapatkan CF, demikian diputuskan pada satu mesyuarat antara MDL dengan pemilik hotel dan

chalet di Langkawi hari ini yang dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Penerangan Negeri, Abdullah Hasnan Kamaruddin.

Menurutnya jika sehingga tamat tempoh itu, premis terbabit didapati masih lagi beroperasi tanpa CF, MDL akan menyitanya.

Abdullah Hasnan berkata selain 37 premis itu, lapan yang lain langsung tidak layak memohon kerana tidak mempunyai pelan bangunan.

"Oleh itu, daripada 66 hotel dan chalet di sini hanya 21 yang sudah mempunyai CF," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat itu.

Meskipun tanpa CF, kesemua hotel dan chalet berkenaan sudah menjalankan perniagaan dan "kelonggaran" ini diberikan, menurut Abdullah Hasnan adalah "atas semangat untuk tidak menjejaskan usaha mempromosi Langkawi sebagai pulau percutian bertaraf dunia."

Antara hotel dan chalet yang dipercayai beroperasi tanpa CF ialah Delima Resort milik usahawan Sarawak Tan Sri Ting Pek Khiing, Dewan Pameran Antarabangsa Mahsuri, Sheraton Perdana dan Pusat Persidangan Gunung Raya.

Abdullah Hasnan berkata beliau kesal kerana perkara ini membabitkan hotel dan chalet besar yang diusahakan oleh ahli perniagaan terkenal.

"Mereka dibenarkan beroperasi tanpa CF kerana ketika Langkawi mula diperkenalkan, pulau ini memang kekurangan bilik penginapan tetapi kita amat kecewa kerana selepas tempoh yang begitu panjang mereka masih lagi gagal mempunyai CF," katanya.

Beliau berkata sambutan dingin pemilik hotel dan chalet terbabit terhadap mesyuarat hari ini juga menunjukkan sikap acuh tidak acuh mereka dengan kesungguhan MDL.

Daripada 50 yang dijemput, hanya 28 yang hadir. Pegawai Daerah, Haji Ismail Hamid turut hadir pada mesyuarat itu.

Isu premis ketiadaan CF ini turut disentuh oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa lawatan dua hari beliau ke sini minggu lepas apabila beliau mengingatkan pihak berkuasa tempatan bahawa selain daripada syarat yang ditetapkan oleh undang-undang, pengeluaran CF tidak patut dilengah-lengahkan. -- BERNAMA

ZAA MAI